

PM mahu Azizulhasni jadi ikon generasi muda

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu juara keirin dunia, Azizulhasni Awang menjadi *role model* rakyat Malaysia khususnya golongan muda dalam bidang sukan.

Beliau berharap, pencapaian Azizulhasni akan mendorong rakyat Malaysia mengambil bahagian dengan lebih cergas dalam bidang sukan.

“Mudah-mudahan saudara Azizulhasni boleh menjadi

ikon sebab dia berkebolehan bertutur dengan baik, mempunyai personaliti yang baik dan orangnya pun baik.

“Saya yakin saudara Azizulhasni akan menjadi *role model* khususnya kepada golongan muda,” katanya pada majlis

penyampaian seunit suite kediaman sumbangan Naza Corporation Holdings kepada *The Pocket Rocketman* di Seri Perdana, Putrajaya semalam.

Mengenai sumbangan Naza Corporation Holdings, Najib

berkata, ia merupakan penghargaan sektor korporat terhadap sumbangan Azizulhasni yang telah mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa dalam bidang sukan.

Pada majlis itu, Najib menyampaikan replika kad akses suite kediaman di Trion 888 bernilai RM350,000 kepada Azizulhasni.

Hadir sama ialah Pengerusi Kumpulan Naza TTDI, SM Nasarudin SM Nasimuddin.



NAJIB (tiga dari kanan) dan Azizulhasni (dua dari kanan) melihat suite kediaman Trion 888 di Seri Kembangan hasil sumbangan Naza Corporation Holdings kepada *The Pocket Rocketman* di Putrajaya semalam.